

23 MAR 1998

Agong-Parlimen

RAKYAT DIMINTA JANGAN TIMBULKAN MASALAH DAN PRASANGKA

KUALA LUMPUR, 23 March (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini bertitah sekarang bukanlah masanya untuk rakyat menimbulkan masalah dan prasangka tetapi hendaklah menguatkan tekad menghadapi cabaran, berkorban dan meneruskan semangat juang dengan penuh dedikasi bagi menangani kegawatan ekonomi.

Seri Paduka bertitah dalam kegawatan matawang dan pasaran saham sekarang yang tentunya akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan menimbulkan masalah tertentu kepada rakyat, mereka janganlah pula menafikan kekuatan dan langkah-langkah positif yang diambil oleh kerajaan selama ini.

"Dengan kekuatan dan langkah-langkah positif itu, kita telah dapat menangani kegawatan ekonomi negara tanpa terpaksa menyerah kepada dan memohon bantuan daripada negara asing atau institusi-institusi kewangan antarabangsa," titah baginda ketika merasmikan mesyuarat keempat Parlimen Kesembilan di sini hari ini.

Seri Paduka yakin rakyat dan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya mengatasi cabaran-cabaran ekonomi semasa yang diluar dugaan itu.

Sambil meminta rakyat supaya bersabar menghadapinya, baginda bertitah adalah penting rakyat memberi sepenuh kepercayaan kepada usaha-usaha kerajaan itu.

"Dalam keadaan sekarang semua golongan masyarakat perlu berusaha mengelakkan pembaziran, mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, meningkatkan tabungan dan melabur dalam sektor-sektor yang mempunyai masa depan yang kukuh dan menguntungkan dalam jangka panjang," titah baginda.

Tuanku Ja'afar bertitah sejak 10 tahun yang lalu negara telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat hasil titik peluh pelbagai pihak di negara ini.

Bagaimanapun, dalam masa yang begitu singkat negara telah dikejutkan dengan kejatuhan nilai matawang yang dituruti pula oleh kemerosotan pasaran saham.

"Walaupun Malaysia dilanda pergolakan pasaran pertukaran matawang dan saham yang meruncing sejak pertengahan tahun 1997, Beta yakin rakyat dan kerajaan di bawah kepimpinan memanda Beta Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya mengatasi cabaran-cabaran ekonomi semasa yang di luar dugaan ini," titah baginda.

Sehubungan itu, Seri Paduka bertitah kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan awam supaya lebih berhemat dengan mengurangkan perbelanjaan kerajaan persekutuan tahun ini bagi menangani krisis kewangan yang berterusan itu.

Tuanku Ja'afar bertitah ekonomi negara dijangka berkembang dengan lebih perlahan disebabkan perkembangan ekonomi dunia yang lebih sederhana serta perbelanjaan permintaan dalam negeri dan pendapatan negara yang turut sederhana.

Daripada segi inflasi, susutan nilai ringgit dan peningkatan upah berikutan tahap guna tenaga penuh akan menyebabkan indeks harga pengguna dijangka meningkat sedikit, titah baginda.

"Usaha-usaha mengekalkan pertumbuhan yang mampan mesti diteruskan berasaskan pertumbuhan yang didorong oleh produktiti, terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia yang kompetitif serta berkebolehan teknologi.

"Tumpuan perlu juga diberikan kepada usaha-usaha memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran negara dengan rakyat digalak mengutamakan

penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan, meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan dan daya pengeluaran tempatan, berjimat cermat dan memantapkan usaha penggalakan eksport," titah baginda.

Seri Paduka bertitah langkah-langkah mempertingkatkan tabungan dalam negeri bagi membiayai sektor ekonomi juga perlu dilakukan supaya negara tidak terlalu bergantung kepada pinjaman luar.

TuanKu Ja'afar berkata Malaysia akan memastikan dasar liberalisasi perdagangan dan pelaburan dalam sektor barangan dan perkhidmatan terus dibuat secara berperingkat dan pasaran luar yang lebih terbuka bagi barangan eksport negara.

Seri Paduka bertitah kerajaan akan meneruskan pembangunan infrastruktur yang strategik dan penting walaupun peruntukannya telah dikurangkan dan memastikan bekalan air mencukupi bagi keperluan domestik dan industri.

"Dalam hubungan ini, kerajaan akan memastikan agensi-agensi terlibat menguatkuasakan undang-undang dengan berkesan agar tidak berlaku pencemaran sungai di kawasan punca air," titah baginda.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, titah ucapan baginda turut menyentuh soal pendidikan, kesihatan, pembangunan luar bandar, hubungan antarabangsa, perpaduan dan kepenggunaan.

Mengenai Sukan Komanwel yang ke-16 September ini, TuanKu Ja'afar bertitah persiapan yang telah dilakukan oleh semua pihak menunjukkan petanda bahawa Malaysia akan dapat menjayakan sukan antarabangsa itu walaupun keadaan ekonomi negara memaksa langkah-langkah penjimatan dilakukan.

Kepada anggota-anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Seri Paduka menyeru mereka supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.

Seri Paduka mengakhiri titah ucapan baginda dengan menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini bagi menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan. --BERNAMA

AH NZ WAT